



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 44 /2021

BELIA: DEKAD INI DEKAD ANDA

07 Rabiul Akhir 1443 H

Bersamaan

12 November 2021

DIKELUARKAN OLEH:

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, di samping kita berusaha mempertingkatkan kefahaman ilmu agama anak-anak dan ahli keluarga dalam menyempurnakan kewajipan masing masing. Mudah mudahan kita memperolehi keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri Terengganu pada 13 November tahun ini, marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**Belia: Dekad ini Dekad Anda**" yang merupakan tema sambutan Hari Belia pada tahun ini.

Tema ini adalah sebagai pengiktirafan kepada golongan belia, selaku penyumbang utama kepada hala tuju pembangunan negara. Kuasa idea dan segala kebolehan yang ada pada belia perlu digembelengkan, bukan sahaja untuk pembangunan negeri ini, malahan menjadi tunjang kepada jatuh bangun agama, bangsa dan negara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian

Sesungguhnya, peranan dan tangungjawab belia pada hari ini adalah sangat penting dan utama untuk menjana pembangunan negara, bangsa dan cita citanya agama. Peranan belia hari ini bukan sekadar membina kerjaya atau melakukan aktiviti aktiviti untuk memenuhi masa lapang dan hobi sahaja, tetapi warga belia sepatutnya turut sama menyumbang idea, masa dan tenaga ke arah pembangunan modal insan dan menjadi sebuah bangsa yang dihormati lagi disegani di persada dunia. Orang muda islam hari ini sepatutnya bukan lagi hanya menjadi penonton atau pemain simpanan sahaja, tetapi haruslah bersiap siaga untuk menjadi pemain utama dalam memacu umat untuk memimpin tamaddun dunia .

Antara peranan utama anak muda muslim hari ini ialah:

1. Menjadi hamba Allah yang bertaqwa kepada Allah dan menjalani alam kepemudaan di dalam suasana ibadat. Nabi saw menyebut antara tujuh golongan yang diberi teduhan pada hari kiamat ialah :

وَشَابٌ نَّشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ

Bermaksud: Anak muda yang membesar dalam ibadat kepada Allah .

(Riwayat al Bukhari dan Muslim)

2. Bertanggungjawab membina dan membangun diri dari segi intelektual, rohani, jasmani dan emosi.
3. Menjadi penyeru kepada kebaikan iaitu menjadikan gaya hidup sihat yang berteraskan Islam sebagai satu cara hidup.
4. Mencegah dan menghalang kemungkaran daripada berleluasanya perilaku dan amalan yang bertentangan dengan syariat islam.
5. Menjadi pencetus, penggerak dan membina tamaddun Islam yang unggul, dihormati dan disegani masyarakat dunia.

Justeru, bagi melahirkan generasi belia yang berkaliber dan mampu untuk membina tamadun bangsa yang hebat, marilah kita sama-sama berganding bahu, bekerjasama dan bertanggungjawab membina anak bangsa kita dengan acuan dan cara hidup sihat yang berteraskan ajaran islam yang suci .

Firman Allah SWT dalam surah At-Tahrim ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا فَوْأَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَئِكَةٌ

غِلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيفْعَلُونَ مَا يَؤْمِنُونَ
ۖ

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.

Menyedari bahawa jumlah anak muda yang begitu ramai, maka haruslah dimanfaatkan keupayaannya, kemahirannya dan kepakarannya untuk membangun ummah. Marilah wahai belia sama-sama kita menyumbang bakti dan peranan dalam masyarakat sebagai penggerak dan pemimpin yang bangkit dari pembarangan dan lena yang panjang. Sedarlah kita bahawa di hadapan terbentang banyak cabaran dan tugas yang sedia menunggu untuk diselesaikan. Ingatlah bahawa tanggungjawab dan tugas lebih banyak dari masa yang ada. Sabda Rasulullah saw:

اغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمَكَ

Bermaksud : Ambillah peluang lima perkara sebelum tiba lima perkara; Masa mudamu sebelum tiba masa tuamu ...

(Riwayat al Hakim)

Firman Allah SWT dalam surah ar-Rum ayat 43-44:

٤٣ ﴿٤٣﴾ فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّذِينَ الْقِيمَ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا مَرَدَ لَهُ، مِنَ اللَّهِ يَوْمٌ يَعْلَمُ بِصَدَّاقَاتِ عَوْنَٰ
٤٤ ﴿٤٤﴾ مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرٌ، وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلَا نُفْسِرُهُمْ يَمْهُدُونَ

Maksudnya: Oleh karena itu, hadapkanlah wajahmu kepada agama yang lurus (Islam) sebelum datang dari Allah suatu hari yang tidak dapat ditolak (kedatangannya): pada hari itu mereka terpisah-pisah. Barangsiapa yang kafir maka dia sendirilah yang menanggung (akibat) kekafirannya itu; dan barangsiapa yang beramal soleh maka untuk diri mereka sendirilah mereka menyiapkan (tempat yang menyenangkan),

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah sama-sama kita ambil pengajaran dan perhatian bahawa:

1. Belia Islam hendaklah meningkatkan iman, akhlak dan peribadi mulia kerana ianya merupakan set penting dan penyelamat kepada sesebuah Negara.
2. Ibumata dan pemimpin masyarakat hendaklah berusaha meningkatkan imej dan keperibadian para belia dengan menyediakan pendidikan dan bimbingan yang sempurna sepertimana yang dikehendaki oleh Allah SWT.

3. Belia islam hendaklah menjauhkan diri daripada aktiviti aktiviti yang kurang sihat seperti budaya berhibur, berfoya-foya, pergaulan bebas, ajaran sesat dan gerakan ekstrim yang boleh menghancurkan aset belia masa depan.
4. Belia hari ini hendaklah mendekatkan diri dengan institusi –institusi islam seperti masjid dan surau serta berusaha melibatkan diri dalam mengimarahkannya
5. Masyarakat perlu mendekati belia dengan membimbing dan menaruh kepercayaan kepada belia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang positif untuk membangunkan agama dan masyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

١٣ نَحْنُ نَقْصٌ عَلَيْكَ نَبَاهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فَتَيَّةٌ أَمْنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَهُمْ هُدَىٰ

وَرَبَّطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنَنْدَعُوا مِنْ

١٤ دُونِيهِ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذَا شَطَطَّا

Maksudnya: Kami ceritakan kepadamu hal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk. Dan Kami kuatkan hati mereka, semasa mereka bangun lalu berkata: Tuhan kami ialah tuhan yang menciptakan dan mentadbirkan langit dan bumi; kami tidak akan menyembah Tuhan yang lain selain-Nya; jika tidak bermakna kami memperkatakan sesuatu yang jauh dari kebenaran.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلٍ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحْمَكُمُ اللَّهُ

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَسِّرِيَّةَ الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاعَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاه، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورً
زَاهِرَة، سُلْطَانَةِ تَرَغَّبَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ
زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَاحْمَدُ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

فُؤُمُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.